



Peningkatan Hutang Dunia Semakin Kritikal?

Hutang global atau hutang dunia pada asasnya melibatkan dua sektor, iaitu sektor awam dan sektor swasta. Hutang sektor awam atau hutang berdaulat merupakan wang yang dipinjam oleh kerajaan sesebuah negara untuk membiayai defisit belanjawan dan perbelanjaan awam,

manakala hutang sektor swasta merupakan liabiliti isi rumah dan perniagaan. Hutang merupakan wadah yang bermanfaat untuk pertumbuhan dan pelaburan, namun hutang secara berlebihan boleh membawa kepada krisis kewangan, seperti yang dilihat dalam kemelesetan kewangan global 2008 dan krisis hutang

baru-baru ini dalam pelbagai pasaran yang sedang membangun.

Secara umumnya, hutang dunia merupakan jumlah wang yang dipinjam oleh sesebuah negara, korporat dan individu yang berhutang, lalu dijumlahkan kesemuanya di seluruh dunia. Belakangan ini, hutang dunia telah mencecah tahap tertinggi dan menimbulkan rasa kebimbangan yang bukan sahaja dalam kalangan ahli ekonomi, malah pembuat dasar dan penganalisis kewangan. Peningkatan hutang dunia mempengaruhi bukan sahaja sesebuah negara tetapi juga ekonomi dunia yang saling berkait.

Dunia dikelilingi oleh hutang sebanyak AS\$315 trilion (RM1483.9 trilion). Menurut laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary

Fund, IMF), peningkatan hutang dunia semakin kritikal dalam beberapa tahun belakangan ini disebabkan oleh pelbagai faktor ekonomi dan kewangan. Kenaikan hutang dunia ini merupakan yang terbesar, terpanjang dan paling meluas sejak Perang Dunia Kedua, seiring dengan terjadinya pandemik COVID-19.

Berdasarkan sumber IMF, peningkatan hutang ini menandakan kenaikan suku tahunan kedua berturut-turut terutamanya didorong oleh pasaran baharu muncul. Hutang tersebut dicatatkan melonjak pada paras tertinggi yang belum pernah berlaku sebelum ini, melebihi AS\$105 trilion (RM492.61 trilion) berbanding dengan AS\$55 trilion (RM257.99 trilion) lebih sedekad lalu. Sekitar dua pertiga daripada AS\$315 trilion (RM1477.63 trilion) hutang daripada negara ekonomi matang, iaitu Jepun dan Amerika Syarikat sebagai penyumbang yang paling banyak kepada longgokan hutang itu, demikian menurut kenyataan IMF dalam laporan suku tahunan *Global Debt Monitor*. Walau bagaimanapun, nisbah hutang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk ekonomi matang yang dilihat sebagai penunjuk yang baik tentang keupayaan negara untuk membayar hutangnya telah jatuh secara umum.

Berdasarkan Jadual 1, negara yang mempunyai hutang tertinggi di dunia ialah Amerika Syarikat dengan hutang negaranya lebih dua kali ganda berbanding dengan negara lain. Walau bagaimanapun, jumlah hutang sesebuah negara berkait dengan keseluruhan KDNK negaranya, iaitu keupayaan negara tersebut untuk membayar balik hutangnya. Dengan mengukur berdasarkan nisbah hutang kepada KDNK,

Jadual 1 20 negara terbaik dengan hutang negara tertinggi.

Peringkat	Negara	Hutang Negara (RM)
1.	Amerika Syarikat	145.05 juta
2.	China	64.65 juta
3.	Jepun	60.01 juta
4.	United Kingdom	14.74 juta
5.	Perancis	14.60 juta
6.	Itali	13.66 juta
7.	Jerman	12.67 juta
8.	India	12.39 juta
9.	Kanada	10.79 juta
10.	Zimbabwe	8.96 juta
11.	Brazil	7.70 juta
12.	Spanyol	7.41 juta
13.	Australia	4, 319.47
14.	Korea Selatan	4,229.47
15.	Mexico	3,722.29
16.	Singapura	3,684.01
17.	Belgium	2,858.92
18.	Argentina	2,508.00
19.	Indonesia	2,486.16
20.	Belanda	2,376.03

hutang Jepun merupakan yang kedua tertinggi di dunia, manakala Amerika Syarikat yang mempunyai ekonomi terbesar dunia dan KDNK tertinggi, telah menurun pada tangga yang ke-14.

Walaupun begitu, Jepun masih dalam kalangan negara dengan peratusan hutang tertinggi di dunia, iaitu mencatatkan 259.43 peratus daripada KDNK tahunannya. Ekonomi Jepun mengalami kesuraman pada tahun 1990 sehingga mendorong kerajaannya melancarkan beberapa

inisiatif, seperti menjual bon dan menyelamatkan bank serta syarikat insurans dengan kredit faedah rendah untuk membantu memulihkan ekonomi pada tahun 2000-an. Institusi perbankan di negara matahari terbit itu perlu diaudit, disatukan, bahkan dinasionalisasikan. Walaupun tindakan ini dapat dikatakan menyelamatkan ekonomi Jepun, namun menambahkan lebih banyak hutang negara tersebut. Sejak itu, kebimbangan tambahan seperti Kemelesetan Besar 2008, bencana nuklear

Fukushima 2011 dan pandemik COVID-19 telah merumitkan usaha untuk memerangi hutang negara.

Begitu juga dengan Amerika Syarikat yang mempunyai kedua-dua hutang negara terbesar di dunia dari segi jumlah dolar dan ekonomi utamanya, keadaan ini menyebabkan nisbah hutang kepada KDNK, iaitu kira-kira 128.13 peratus. Perbelanjaan kerajaan Amerika Syarikat melebihi pendapatannya dalam kebanyakan tahun dan negara itu tidak mempunyai lebihan belanjawan sejak tahun 2001. Yang menghairankan, negara yang paling banyak hutang berbanding dengan Amerika Syarikat ialah Jepun, manakala China pula sering dilihat sebagai pesaing ekonomi terbesar Amerika Syarikat.

Hutang China pada ketika ini melebihi AS\$10 trilion, namun disebabkan ekonomi China yang luas dan besar, hutang negara tersebut hanya 68.06 peratus daripada KDNK-nya. Paras hutang semasa China mempunyai peningkatan yang ketara sejak tahun 2014, apabila hutang negara ialah 41.54 peratus daripada KDNK negara tersebut.

Laporan IMF dari tahun 2015 mencatatkan hutang China secara relatifnya rendah, namun banyak ahli ekonomi telah menolak kebimbangan mengenai jumlah hutang dalam saiz keseluruhannya dan berbanding dengan KDNK China. China kini mempunyai ekonomi kedua terbesar di dunia dan penduduk terbesar dengan kira-kira 1.42 bilion orang.

Akhir sekali, nisbah hutang Rusia adalah yang paling rendah di dunia, iaitu 16.99 peratus daripada KDNK-nya pada tahun 2021, walaupun perang negara itu dengan Ukraine yang bermula pada awal tahun 2022,

mungkin akan memberikan kesan terhadap nisbah ini. Rusia biasanya merupakan satu daripada 10 buah negara yang paling kurang berhutang di dunia. Hutang Rusia kini berjumlah lebih daripada RM1418.29 bilion. Kebanyakan hutang luar Rusia ialah hutang persendirian.

Berdasarkan Jadual 2, nisbah hutang kepada KDNK, metrik ekonomi yang membandingkan hutang kerajaan sesebuah negara dengan KDNK-nya adalah penting untuk menilai kestabilan ekonomi dan keupayaan pembayaran balik hutang. Nisbah hutang kepada KDNK ialah metrik ekonomi yang membandingkan hutang kerajaan sesebuah negara dengan KDNK yang mewakili nilai semua barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara itu. Biasanya hal ini digunakan untuk menentukan tahap kestabilan dan "keselamatan" ekonomi sesebuah negara. Nisbah hutang kepada KDNK dinyatakan sebagai peratusan dan menawarkan anggaran sepintas lalu

tentang keupayaan negara untuk membayar balik hutang semasanya. Hal ini lazimnya dinilai bersama-sama metrik yang berkaitan, seperti KDNK per kapita, pertumbuhan KDNK, Keluaran Negara Kasar (KNK) dan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita.

Negara yang mempunyai nisbah hutang kepada KDNK yang rendah berkemungkinan besar dapat membayar balik hutang mereka dengan mudah. Negara yang ekonominya bergelut untuk menghasilkan pendapatan atau yang mempunyai hutang yang terlalu besar cenderung mempunyai nisbah hutang kepada KDNK yang tinggi. Nisbah hutang kepada KDNK melebihi 77 peratus dapat menghalang pertumbuhan ekonomi, bahkan dalam beberapa kes meletakkan negara berisiko untuk gagal membayar hutangnya yang boleh mendatangkan malapetaka kepada ekonomi dan pasaran kewangannya.

Jadual 2 menunjukkan Jepun, dengan nisbah hutang kepada KDNK tertinggi di dunia, menyaksikan lonjakan hutangnya disebabkan oleh

Jadual 2 10 Negara terbaik dengan nisbah hutang kepada KDNK tertinggi.

Peringkat	Negara	Nisbah Hutang kepada KDNK (%)
1.	Jepun	264
2.	Venezuela	241
3.	Sudan	186
4.	Greece	173
5.	Singapura	168
6.	Eritrea	164
7.	Lubnan	151
8.	Itali	142
9.	Amerika Syarikat	129
10.	Cape Verde	127



penyelamatan kerajaan dan inisiatif rangsangan berikutan kejatuhan pasaran saham pada tahun 1992. Sementara itu, walaupun Amerika Syarikat mempunyai KDNK terbesar di dunia, menduduki tempat ke-12 dalam nisbah hutang kepada KDNK kerana didorong oleh perbelanjaan ketenteraan yang tinggi, pemotongan cukai dan program kekurangan dana.

Beberapa faktor menyumbang kepada pengumpulan hutang global, antaranya termasuklah kenaikan kadar faedah Bank Dunia. Kadar faedah yang tinggi menyebabkan kos pinjaman semakin meningkat, sekali gus menambahkan beban pembayaran hutang lagi bagi negara yang mempunyai hutang yang tinggi. Bank Dunia juga melaporkan bahawa kenaikan kadar faedah telah meningkatkan kerentanan hutang dalam kalangan negara membangun sehingga menyebabkan peningkatan kepada kegagalan pembayaran hutang.

Tidak dinafikan bahawa pandemik COVID-19 yang

Beberapa faktor menyumbang kepada pengumpulan hutang global, antaranya termasuklah kenaikan kadar faedah Bank Dunia.

melanda dunia merupakan satu daripada faktor yang memberikan impak yang besar kepada hutang dunia. Banyak negara meningkatkan perbelanjaan kesihatan awam untuk menangani krisis kesihatan rakyat seperti pembelian vaksin, peralatan perubatan dan penambahbaikan sistem kesihatan. Pandemik juga mempengaruhi ekonomi negara kerana sekatan

pergerakan dan penutupan perniagaan sehingga kerajaan memberikan bantuan kewangan kepada individu dan isi rumah serta menawarkan pakej rangsangan ekonomi kepada peniaga.

Pinjaman luar jangka yang besar bagi membiayai defisit ini diperoleh sepenuhnya menerusi pasaran domestik pada kos munasabah menggambarkan pasaran modal yang utuh dan berdaya tahan yang menyokong strategi pengurusan hutang meskipun dalam persekitaran luar yang mencabar. Korea Selatan misalnya, nisbah hutang kepada KDNK meningkat daripada 37.7 peratus pada tahun 2019 kepada 44 peratus pada tahun 2020 akibat peningkatan perbelanjaan pandemik dan penurunan hasil cukai negara.

Selain itu, nisbah hutang yang tinggi di beberapa buah negara menyebabkan berterusannya pengumpulan hutang dunia. Negara seperti Jepun dan Greece memiliki nisbah hutang yang melebihi 180 peratus daripada KDNK yang menunjukkan betapa

seriusnya masalah ini kerana meningkatkan risiko kegagalan pembayaran dan ketidakstabilan ekonomi.

Ketidakstabilan politik akan menyebabkan sesebuah negara mengeluarkan perbelanjaan tambahan yang tidak dijangka untuk mengatasi isu-isu yang berkait. Hal ini dapat meningkatkan hutang negara dengan begitu ketara. Keyakinan pelabur terhadap sesebuah negara juga akan berkurang sekiranya berlaku ketidakstabilan politik. Perubahan kerajaan yang kerap dan tiada kesinambungan dasar serta sekiranya berlaku peperangan, akan mengakibatkan kesan terhadap ekonomi sesebuah negara.

Sebagai contoh, negara Ukraine mengalami kemerosotan ekonomi kerana kerosakan infrastruktur penting seperti jalan raya, jambatan dan bangunan sehingga merencatkan aktiviti ekonomi dan perniagaan. Pelabur asing juga berkurangan kerana ketidakstabilan ekonomi dan faktor keselamatan menjadi punca utama berlakunya masalah ini. Seterusnya menjejaskan ekonomi Ukraine yang membawa kepada pembiayaan untuk membina semula infrastruktur yang musnah dan memulihkan ekonomi negara.

Peningkatan hutang dunia memberikan implikasi yang pelbagai kepada sesebuah negara. Hal ini demikian kerana dalam situasi tertentu, misalnya melalui pembiayaan kewangan, dapat merangsang pembangunan ekonomi dengan membiayai projek infrastruktur, program sosial dan kemajuan teknologi. Situasi yang lain ialah tahap keberhutangan yang tinggi membawa kepada dasar fiskal yang tidak mampan, risiko kegagalan membayar

Negara yang mempunyai hutang yang tinggi terpaksa menghadapi langkah penjimatan yang membawa kepada ketidakstabilan ekonomi, sosial dan politik.

hutang dan pertumbuhan ekonomi yang meleset. Negara yang mempunyai hutang yang tinggi terpaksa menghadapi langkah penjimatan yang membawa kepada ketidakstabilan ekonomi, sosial dan politik. Mengurus cabaran hutang dunia memerlukan strategi yang mapan dan holistik.

Penyelesaian keberhutangan dunia yang tinggi dapat diselesaikan melalui peranan institusi kewangan antarabangsa dengan melakukan beberapa pendekatan utama seperti penstruktur semula hutang, pemberian bantuan teknikal, memberikan pembiayaan yang mengenakan kadar faedah yang rendah dan inisiatif penghapusan hutang. Melalui penstruktur hutang semula, Bank Dunia boleh membantu rundingan antara negara berhutang dengan pemiutang untuk menstruktur semula terma dan syarat hutang seperti melanjutkan tempoh pembayaran hutang atau mengurangkan kadar faedah.

Selain itu, inisiatif seperti *Highly Indebted Poor Countries* (HIPC) yang dianjurkan oleh IMF dan Bank Dunia juga bertujuan untuk mengurangkan hutang negara miskin yang layak sehingga dapat mencapai kemampuhan hutang jangka panjang. Penghapusan hutang juga boleh dilakukan melalui mekanisme tertentu yang dirundingkan antara pemiutang dengan negara berhutang. Inisiatif seperti ini mampu memberikan bantuan segera kepada negara-negara yang memerlukan, sekali gus membolehkan mereka menanggungkan pembayaran hutang untuk tempoh tertentu. IMF dapat memainkan peranan yang besar bagi menyelesaikan isu hutang dunia dan membantu negara tersebut mencapai kestabilan ekonomi yang berterusan.

Sebagai kesimpulan, peningkatan hutang dunia ialah isu yang kritikal dan memberikan impak yang besar terhadap ekonomi dunia. Meskipun melalui keberhutangan membolehkan sesebuah negara menjadi maju dan membangun, kesilapan dalam pengurusan hutang boleh memberikan kesan buruk dan risiko yang besar.

Kebijaksanaan mengurus hutang dunia sangat diperlukan kerana selain mengetahui sebab-sebabnya, kesan atau akibat juga penting untuk menyusun strategi yang berkesan demi memastikan kestabilan dan kemakmuran ekonomi sesebuah negara dan global. Dengan berbuat demikian, ketika masyarakat antarabangsa saling memerlukan antara satu sama lain, menangani cabaran hutang dunia akan memerlukan usaha sama yang selari bagi setiap negara, organisasi antarabangsa dan sektor swasta. 